

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **UST. DATUK DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : **16 MAC 2015 (ISNIN)**

SOALAN : **Ust. Datuk Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan jaminan bekalan makanan selamat, mencukupi dan mampu diperolehi oleh rakyat, khususnya dalam mendepani krisis bekalan global seperti berlaku pada 2008 dan berikutan faktor perubahan cuaca serta bencana alam.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Krisis kekurangan bekalan yang pernah melanda dunia pada 2008 adalah merupakan satu isu global yang disebabkan oleh kekurangan bekalan mentah di peringkat dunia. Pengurangan bekalan mentah ini

telah menyebabkan kenaikan harga yang meningkat secara mendadak pada tahun berkenaan. Peningkatan harga ini juga disebabkan oleh beberapa faktor seperti perubahan iklim dan bencana alam dan penggunaan bahan makanan untuk penghasilan *biofuel* terutamanya di Amerika Syarikat yang telah mengurangkan kawasan tanaman ruji untuk makanan.

Bagi memastikan rakyat Malaysia tidak menghadapi kesukaran ketika berdepan dengan krisis seperti pada tahun 2008, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk menanganinya. Dasar Agromakanan Negara yang digubal bagi tempoh 2011 – 2020 bertujuan memastikan bekalan makanan khususnya makanan asas penduduk Malaysia seperti beras bukan sahaja mencukupi, tetapi selamat dan mampu diperolehi oleh rakyat. Dasar ini merangkumi langkah jangka masa pendek dan juga langkah jangka masa sederhana yang melibatkan pelaksanaan sehingga tahun 2020.

Kerajaan juga telah menambah insentif kepada pengusaha-pengusaha pertanian bagi menampung sebahagian dari peningkatan kos yang dihadapi dan meningkatkan pengeluaran serta produktiviti sayur-sayuran, buah-buahan, daging lembu dan kambing serta akuakultur melalui program-program seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Industri Akuakultur (ZIA). Program tanaman semula buah-buahan terpilih turut diperkenalkan bagi menggalakkan pengeluaran buah-buahan tempatan. Pembukaan empat (4) jelapang padi baru iaitu Pekan Dan Rompin, Pahang, Batang Lupar, Sarawak Dan Kota Belud, Sabah pula bertujuan mempertingkatkan pengeluaran padi negara.

Kementerian melalui FAMA juga telah menyediakan ruang-ruang pasaran untuk petani memasarkan produk hasil keluaran mereka. Sehingga Januari 2015 terdapat 1,714 outlet telah dibangunkan FAMA di seluruh negara iaitu Pasar Tani 580 buah, Karavan Tani 140 buah, Agro Bazaar Kedai Rakyat 316 buah, Gerai Buah-Buahan Segar 516 buah, PAKAR 8 buah dan Agrobazaar K-Shoppe 154 buah.

Dengan pembangunan outlet ini, dapat memudahkan rakyat memperolehi bekalan makanan khususnya produk agromakanan dengan harga yang berpatutan. Selain itu, pengurusan bagi tanah terbiar juga akan diteruskan dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran beras dan tanaman makanan lain.

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani juga telah, sedang dan akan mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi menstabilkan hasil pertanian serta menangani kesan perubahan cuaca kepada sektor pertanian.

Antara langkah-langkah jangka pendek yang diambil adalah:

- i. Mempertingkatkan amalan kultur dan pengurusan tanaman yang baik dan strategik seperti penggunaan sungkupan, pengairan titis dan konservasi penggunaan air termasuk penyelenggaraan berkala bagi sistem saliran air;
- ii. Pembinaan telaga-telaga air bumi sebagai sumber air alternatif; dan
- iii. Penjadualan semula bekalan air pengairan di kawasan jelapang dan luar jelapang padi;

Langkah-langkah jangka panjang pula merangkumi:

- i. Perancangan teknologi pemuliharaan/ simpanan air, pengurusan sumber air dan sumber air baru serta infrastruktur dan pengurusan keupayaan guna air;
- ii. Pembangunan varieti tanaman yang tahan kepada kemarau bagi tanaman utama;
- iii. Penggunaan varieti tanaman berhasil tinggi dan rintang penyakit serta cuaca;
- iv. Peningkatan perkhidmatan veterinar bagi ternakan dan memantau penyakit ternakan terutamanya semasa musim panas di samping memastikan ketersediaan makanan untuk ternakan melalui konservasi *fodder* menggunakan rumput kering dan silaj; dan
- v. Peningkatan keupayaan pegangan air tanah (*soil water holding capacity*) dan bahan organik dalam tanah menggunakan kaedah pengurusan tanah yang cekap melalui proses pereputan sisa tanaman. Pengurusan pengairan secara efisien turut mengurangkan kehilangan air, memaksimumkan penggunaan air hujan dan air sungai untuk tujuan pengairan terutamanya semasa musim kemarau.

Melalui inisiatif di bawah Dasar Agromakanan Negara dan langkah-langkah mengurangkan kesan cuaca ke atas sektor agromakanan ini, Kerajaan yakin program-program yang telah dirancang akan dapat menampung permintaan makanan mengikut keperluan rakyat sekiranya berlaku bencana atau krisis makanan tahun 2008 yang berulang.